

LEPASI PARAS RM300 BILION

■ *AUM PNB catat perkembangan memberangsangkan*

Nabil Basaruddin

bisnes@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Permodalan Nasional Berhad (PNB) mencatatkan perkembangan yang memberangsangkan apabila aset di bawah pengurusannya (AUM) berjaya melepasi paras RM300 bilion menjadi kepada RM301.4 bilion pada separuh pertama 2019.

Pengerusinya Tan Sri Dr Zeti Aziz berkata, pencapaian itu adalah peningkatan sebanyak tujuh peratus dari tahun ke tahun meskipun berdepan dengan persekitaran semasa yang tidak menentu.

Beliau berkata, jumlah pemegang akaun turut meningkat sebanyak 5.2 peratus mencecah 14.1 juta

akaun, mencerminkan keyakinan berterusan rakyat Malaysia terhadap PNB.

“Persekitaran pada separuh pertama tahun ini kekal mencabar bagi semua institusi pelaburan sejajar dengan perkembangan global dan domestik.

“Bagaimanapun, kami di PNB berpuas hati kerana dapat terus mengekalkan pulangan dan pertumbuhan AUM kami,” katanya pada sidang media taklimat prestasi separuh pertama 2019 PNB di sini, semalam.

Setakat 31 Mei lalu, pendapatan bersih proforma PNB yang digabungkan menurun sebanyak 1.4 peratus kepada RM5.3 bilion, mencerminkan persekitaran pasaran yang mencabar.

Zeti berkata, sebagai sebahagian daripada fokus

“

Persekitaran pada separuh pertama tahun ini kekal mencabar bagi semua institusi pelaburan sejajar dengan perkembangan global dan domestik. Bagaimanapun, kami di PNB berpuas hati kerana dapat terus mengekalkan pulangan dan pertumbuhan AUM kami”

Dr Zeti Aziz

PNB untuk 2019, strategi kepelbagaian syarikat juga akan dipercepatkan ke seluruh kelas aset untuk mengoptimalkan pulangan dan meminimumkan pendedahan risiko.

Sementara itu, PNB me-

nerusi anak syarikat milik penuhnya, Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) turut mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana unit amanahnya iaitu Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) dan ASN Equity 2.

Pengagihan pendapatan bagi pemegang unit ASB 3 Didik ialah 5.25 sen seunit, manakala pemegang unit ASN Equity 2 pula akan menerima 2.80 sen seunit bersamaan dengan anggaran pulangan pengagihan sebanyak 5.0 peratus berdasarkan Nilai Aset Bersih pada 21 Jun 2019.

Jumlah pengagihan pendapatan bagi kedua-dua dana terbabit berjumlah RM367 juta, menjadikan jumlah keseluruhan pengagihan RM189.3 bilion bagi kesemua 14 dana sejak penubuhan PNB.